

CNS6501
U GB 17-02 00171. BA 338
bah

SYARIKAT PERUDING AKAN KAJI PENYATUAN SYARIKAT BAS KUALA LUMPUR

Mahathir - Bas

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Sebuah syarikat perunding akan menjalankan kajian selamatigabulanmulai sekarang mengenai rancangan penyatuan syarikat-syarikat bas di ibu negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, selepas kajian itu selesai, syarikat-syarikat bas di ibu kota akan dipanggil menghadiri mesyuarat mengenainya.

Dengan penyatuan itu dan dengan adanya sistem monorel dan Transit Laju Ringan (LRT) mutu perkhidmatan bas di ibu negara akan lebih efisien, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur, di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur berkata, semua syarikat bas di ibu kota **berpeluang** menyertai langkah penyatuan itu.

Beliau juga berkata penduduk ibu kota mesti **+sanggup membayar+** supaya sistem pengangkutan yang lebih efisien dapat diadakan kerana **+Kuala Lumpur** tidak mungkin mendapat sistem yang efisien kalau penduduknya tidak **sanggup membayar+**. -- Lagi.

▼17/02/19-08MST

CNS6544

R GB 17-02 00159 BA342

bah

Mahathir - Das 2 Kuala Lumpur

+Kamu boleh mendapat sistem yang efisien dengan bayaran yang berpatutan dan kamu tidak boleh mendapat sistem murah yang efisien,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memang membiayai sebahagian kos pengangkutan di Kuala Lumpur tetapi tidak boleh membiayai dengan terlalu banyak kerana kerajaan juga memerlukan wang untuk perbelanjaan di kawasan luar bandar.

Ditanya sama ada tambang bas akan naik dengan adanya sistem pengangkutan yang efisien, beliau berkata, **+kalau nak ada sistem monorel, kena bayar tambang yang berpatutan.+**

Perdana Menteri, yang berkata beliau tidak suka dengan sistem pengangkutan di ibu kota sekarang, berkata, sistem pengangkutan bas di ibu kota seperti syarikat-syarikat bas bertumpu ke satu-satu tempat seperti di Puduraya juga antara satu sebab berlakunya **kesesakan**.

Katanya, Kuala Lumpur perlu mempunyai sistem pengangkutan bas yang menjalankan perkhidmatan di dalam kawasan ibu kota dan yang mengadakan perkhidmatan yang tidak melalui kawasan tengah bandar. -- lagi

▼17/02/19-44MST

CNS6560

R GB 17-02 00141 BA344

bah

Mahathir - Bas 3 (akhir) Kuala Lumpur

+Kalau kita nak pergi ke satu tempat, kemungkinan kita kena tukar bas,+ katanya.

Mengenai sistem monorel dan LRT, Perdana Menteri berkata, persediaan awal mengenai pembinaan sistem tersebut telah selesai.

Katanya, pembinaannya di j angka dimulakan menjelang hujung tahun ini dan fasa pertama hi jangka siap pada tahun 1994.

Yang turut hadir pada majlis itu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, Menteri Kerja Raya, Datuk Leo, Moggie, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji hbdul Hamid, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar.

Sebelum itu, Dr Mahathir melihat pameran lukisan **+Warna-Warna Ibu Kota+** oleh pelukis Ismail Embong di ruang legar DBKL. -- Bernama

▼17/02/20-09MST